

BAB 4
CHAPTER 4



**NOTA TEKNIKAL DAN
KOD & KLASIFIKASI**

***TECHNICAL NOTES AND
CODE & CLASSIFICATION***

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

NOTA TEKNIKAL

1.0 PENGENALAN

1.1 PEMBANGUNAN AKAUN SATELIT

Penyusunan ASP dilaksanakan rentetan daripada pematuhan *System of National Accounts (SNA)* di Malaysia. Terma “akaun satelit” digunakan bagi menggambarkan dengan jelas akaun yang dibangunkan. Ia merupakan “satelit” kepada set utama Akaun Negara yang mana ia memberikan maklumat tambahan di luar daripada maklumat sedia ada di dalam Akaun Negara.

Maklumat satelit memfokuskan kepada aspek ekonomi tertentu seperti pelancongan bagi membolehkan pengukuran dilaksanakan. Ia juga membolehkan hubungkait yang lebih banyak kepada maklumat tambahan yang spesifik bagi pelancongan seperti guna tenaga, jumlah pelancongan luar negara dan statistik penginapan. Statistik industri pelancongan seperti pengangkutan, penginapan, aktiviti penyediaan makanan & minuman, rekreasi, hiburan dan agensi pengembaraan dapat diukur dan dianalisa.

Pembangunan akaun satelit merupakan pengukuran statistik yang sistematik yang mana ia merangkumi konsep, klasifikasi dan definisi berdasarkan piawaian antarabangsa bagi membolehkan perbandingan di antara negara dilaksanakan. Pelbagai maklumat diperoleh daripada agensi yang berbeza dikumpulkan di dalam akaun ini untuk memberikan gambaran yang lebih baik dan holistik berkenaan impak industri pelancongan di Malaysia.

1.2 PEMBANGUNAN ASPW SABAH

Tujuan Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (ASPW) Sabah disusun adalah untuk menganalisis dengan lebih terperinci semua aspek permintaan bagi barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti pelawat bagi mendapatkan interaksi penawaran barang dan perkhidmatan pelancongan dalam ekonomi Sabah; serta aktiviti ekonomi lain di dalam Sabah.

Penyediaan ASPW Sabah adalah berdasarkan *Tourism Satellite Account: Recommended Methodological Framework (TSA: RMF) 2008*, *International Recommendations for Tourism Statistics (IRTS)* dan *Regional Tourism Satellite Account, Statistics & TSA Issue Paper Series, 2013* yang diterbitkan oleh *United Nations World Tourism Organization (UNWTO)*.

Konsep dan definisi ASPW Sabah yang digunakan telah diselaraskan mengikut keperluan Sabah.

Rajah di bawah menunjukkan konsep penggunaan pelancongan dalam ASPW Sabah:

Konsep penggunaan pelancongan dalam ASPW Sabah

| Status Residen | | Penggunaan | | JUMLAH | |
|---------------------|----------------------------------|---------------------------------------|--|-------------|------------------------------|
| | | Sabah | Luar Sabah | | |
| | | | Semenanjung Malaysia/ Sarawak | Luar negara | |
| Residen Sabah | | Penggunaan pelancongan domestik | Penggunaan pelancongan <i>outbound</i> | | PENGGUNAAN PELANCONGAN SABAH |
| Bukan residen Sabah | Semenanjung Malaysia/ Sarawak | Penggunaan pelancongan <i>inbound</i> | | | |
| | Luar negara | | | | |
| JUMLAH | | PENGGUNAAN PELANCONGAN INTERNAL | | | |

2.0 KONSEP DAN DEFINISI

2.1 Pelawat

Pelawat merujuk kepada *traveller* yang melakukan aktiviti perjalanan ke destinasi utama di luar dari persekitaran biasa dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan, selain daripada diambil bekerja oleh entiti residen di tempat yang dilawati. Berikut ialah senarai tujuan utama lawatan seperti yang disenaraikan dalam IRTS:

- a) Perniagaan dan profesional;
- b) Percutian, mengisi masa lapang dan rekreasi;
- c) Melawat rakan dan saudara mara;
- d) Pendidikan dan latihan;
- e) Kesihatan dan rawatan perubatan;
- f) Hal-hal keagamaan/ menziarahi ke tempat suci keagamaan;
- g) Membeli-belah; dan
- h) Transit.

Bagi situasi di Malaysia, senario balik kampung yang diamalkan oleh residen semasa musim perayaan juga didefinisikan sebagai pelancongan. Pelawat boleh diklasifikasikan kepada dua kategori:

Pelancong : Jika perjalanan melibatkan tidur bermalam

Pelawat harian : Jika perjalanan mengambil masa kurang daripada 24 jam

2.2 Persekitaran Biasa

Persekitaran biasa seseorang individu merupakan konsep utama dalam pelancongan yang merujuk kepada kawasan geografi (walaupun tidak semestinya mempunyai sempadan), yang mana seseorang individu menjalankan rutin kehidupan seharian. Persekitaran biasa bagi seseorang individu itu termasuklah tempat tinggal biasa, tempat bekerja atau belajar dan tempat-tempat yang selalu dikunjungi walaupun tempat tersebut jauh dari tempat tinggal biasa atau berada di kawasan yang lain. Oleh itu, pelawat yang kerap berulang-alik di antara tempat tinggal biasa dan tempat bekerja, atau tempat belajar, atau tempat yang kerap dikunjungi di dalam rutin kehidupan semasa adalah tidak diliputi dalam penyusunan ASP. Walau bagaimanapun, konsep ini mungkin berbeza antara negara mengikut kepada ciri-ciri negara tersebut.

Di Malaysia, penentuan persekitaran biasa adalah penting terutamanya bagi pelancongan domestik. Oleh yang demikian, seperti yang dicadangkan oleh UNWTO, Malaysia telah menetapkan kriteria berikut bagi menentukan seseorang itu adalah pelawat:

- a. Mereka yang membuat perjalanan pergi dan balik sekurang-kurangnya 50 kilometer dari kawasan kediaman mereka untuk tujuan pelancongan, berada di luar persekitaran biasa mereka dan memperuntukkan masa sekurang-kurangnya 4 jam di lokasi tersebut; dan
- b. Mereka yang membuat perjalanan pergi dan balik kurang daripada 50 kilometer pula, masa yang digunakan hendaklah minimum 4 jam dan lebih serta menggunakan kemudahan pelancongan seperti kemudahan pengangkutan, penginapan, makanan & minuman dan rekreasi.

2.3 Jenis-Jenis Pelancongan

2.3.1 Pelancongan *Inbound*

Terdiri daripada aktiviti pelawat bukan residen yang membuat perjalanan ke Sabah bagi perjalanan *inbound*. Pelawat dalam kategori ini terdiri daripada residen dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan pelawat dari luar negara (bukan residen Malaysia).

2.3.2 Pelancongan Domestik

Terdiri daripada aktiviti pelawat residen yang membuat perjalanan dalam Sabah sama ada sebahagian daripada perjalanan domestik atau perjalanan *outbound*.

2.3.3 Pelancongan *Internal*

Terdiri daripada pelancongan domestik dan pelancongan *inbound*, iaitu aktiviti pelawat residen dan bukan residen di dalam Sabah, sama ada sebahagian daripada perjalanan domestik atau antarabangsa.

2.4 Perbelanjaan Pelancongan

Perbelanjaan pelancongan merujuk kepada jumlah yang dibayar bagi perolehan penggunaan barangan & perkhidmatan dan barang berharga, untuk kegunaan sendiri atau untuk diberi ketika dan semasa perjalanan pelancongan. Ia termasuk perbelanjaan oleh pelawat sendiri dan perbelanjaan yang dibayar atau dibayar balik oleh orang lain. Secara prinsipnya, perolehan barangan dan perkhidmatan semasa perjalanan pelancongan adalah sebahagian daripada perbelanjaan pelancongan. Kesemua perkhidmatan yang diterima sebelum perjalanan dibuat dan berkaitan dengan perjalanan (contoh: vaksinasi, perkhidmatan pasport, kawalan perubatan, perkhidmatan agensi pengembaraan dan sebagainya) adalah termasuk dalam perbelanjaan pelancongan. Semua barangan yang diperolehi sebelum perjalanan, yang akan digunakan semasa perjalanan (contoh: pakaian khusus, ubat-ubatan, dan sebagainya) atau dibawa sebagai hadiah juga diambil kira.

2.4.1 Perbelanjaan Pelancongan *Inbound*

Perbelanjaan pelancongan bagi pelawat bukan residen dalam ekonomi Sabah.

2.4.2 Perbelanjaan Pelancongan Domestik

Perbelanjaan pelancongan bagi pelawat residen dalam ekonomi Sabah.

2.4.3 Perbelanjaan Pelancongan *Internal*

Terdiri daripada perbelanjaan pelancongan bagi pelawat residen dan bukan residen Sabah. Ia merupakan jumlah keseluruhan perbelanjaan pelancongan *inbound* dan perbelanjaan pelancongan domestik.

2.5 Industri Pelancongan

Industri pelancongan meliputi semua pertubuhan yang mana aktiviti utamanya adalah berkaitan dengan aktiviti bercirikan pelancongan sama ada pertubuhan tersebut menyediakan perkhidmatan secara terus kepada pelawat dan bukan pelawat. Pertubuhan dikelaskan mengikut aktiviti utama, ditentukan oleh aktiviti yang menghasilkan nilai ditambah tertinggi.

2.6 Produk Penggunaan Pelancongan

Produk penggunaan pelancongan boleh diklasifikasikan kepada produk perbandingan antarabangsa bercirikan pelancongan dan produk khusus bercirikan pelancongan negara.

a. Produk perbandingan antarabangsa bercirikan pelancongan

Produk perbandingan antarabangsa bercirikan pelancongan merupakan produk utama bagi perbandingan antarabangsa untuk perbelanjaan pelancongan. Sesuatu produk boleh dikelaskan sebagai produk bercirikan pelancongan sekiranya perbelanjaan pelawat terhadap sesuatu produk adalah signifikan. Contoh produk bercirikan pelancongan adalah perkhidmatan penginapan, perkhidmatan penyediaan makanan & minuman, perkhidmatan pengangkutan penumpang, perkhidmatan penyewaan kenderaan, perkhidmatan agensi pelancongan & penempahan lain, dan perkhidmatan kebudayaan, sukan & rekreasi.

b. Produk khusus bercirikan pelancongan negara

Di Malaysia, produk khusus bercirikan pelancongan negara terbahagi kepada dua kategori iaitu barang khusus bercirikan pelancongan negara dan perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara.

Barang khusus bercirikan pelancongan negara adalah merujuk kepada aktiviti membeli-belah (produk bagi permintaan pelancongan) dan juga perdagangan runcit dalam industri pelancongan.

Manakala produk yang dikenal pasti di bawah 'perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara' adalah perbelanjaan lain yang menunjukkan sumbangan yang signifikan dalam perbelanjaan pelancongan, contohnya kesihatan, pendidikan, spa dan MICE.

2.7 Akaun Pengeluaran

Akaun pengeluaran merekodkan aktiviti pengeluaran barangan dan perkhidmatan seperti yang ditakrifkan dalam SNA 2008. Akaun pengeluaran menunjukkan output sebagai sumber dan penggunaan perantaraan sebagai penggunaan dan nilai ditambah sebagai item pengimbang.

2.8 Nilai Ditambah

Nilai ditambah merupakan 'nilai' yang ditambah oleh pengeluar ke atas bahan mentah barangan dan perkhidmatan yang dibeli semasa proses pengeluaran. Justeru itu, nilai ditambah adalah nilai output ditolak dengan nilai penggunaan perantaraan.

2.8.1 NDKIP

Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan ialah jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pertubuhan yang berada di dalam industri pelancongan, tanpa mengira sama ada semua output disediakan kepada pelawat dan juga pengkhususan proses pengeluaran.

2.8.2 KDNKPL

Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung adalah jumlah daripada sebahagian nilai ditambah kasar (pada harga asas) yang dijana oleh semua industri bagi memenuhi penggunaan pelancongan *internal*. Jumlah cukai bersih ke atas produk dan import diambil kira dalam nilai perbelanjaan pada harga pembeli.

2.9 Kadar Pelancongan

Kadar pelancongan merupakan kadaran daripada penggunaan pelancongan *internal* oleh pelawat dibahagikan dengan penawaran domestik yang terdiri daripada output pengeluar domestik, import, cukai ditolak subsidi ke atas produk dan import serta margin perdagangan dan pengangkutan.

3.0 JADUAL UTAMA ASPW SABAH

Jadual-jadual yang disarankan dalam manual *TSA:RMF 2008* dan *Statistics and TSA Issue Paper Series Regional Tourism Satellite Account*, UNWTO 2013 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Perbelanjaan pelancongan *inbound* bagi pelawat mengikut produk

Statistik Jadual 1 terdiri daripada jumlah hasil terimaan *inbound* dalam Ringgit Malaysia (RM) dan peratus agihan perbelanjaan pelancongan mengikut produk. Penyusunan ini juga telah mengambil kira perbelanjaan penumpang antarabangsa bagi udara, laut dan pengangkutan lain. Antara sumber data bagi penyusunan Jadual 1 adalah berdasarkan dapatan *Departing Visitor Survey* (DVS) Sabah yang dijalankan oleh Lembaga Pelancongan Sabah (LPS) dan Survei Pelancongan Domestik (DTS) Sabah yang dijalankan oleh DOSM.

DVS dilaksanakan melalui kaedah temuramah secara bersemuka terhadap pelawat dan pelancong yang akan berlepas dari Sabah melalui *point of exit* yang terpilih melibatkan:

- a. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu;
- b. Lapangan Terbang Sandakan; dan
- c. Lapangan Terbang Tawau.

Jadual 2: Perbelanjaan pelancongan domestik bagi pelawat mengikut produk

Statistik di Jadual 2 diperoleh daripada dapatan DTS Sabah yang meliputi individu yang menetap di Sabah sekurang-kurangnya satu tahun dan lebih. Selain warganegara dan residen tetap, ekspatriat dan bukan warganegara turut diambil kira. Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Jadual 2 ASPW adalah berbeza dengan jumlah perbelanjaan pelancongan domestik yang diterbitkan di laporan DTS Sabah kerana ASPW hanya mengambil kira perbelanjaan pelancongan residen Sabah sahaja dan tidak mengambil kira perbelanjaan yang tidak dilakukan oleh pelawat seperti penginapan dan makanan & minuman yang disediakan di rumah saudara atau rakan.

Jadual 3: Perbelanjaan pelancongan *internal* bagi pelawat mengikut produk

Statistik di Jadual 3 adalah gabungan daripada perbelanjaan pelancongan *inbound* dan perbelanjaan pelancongan domestik yang menghasilkan penggunaan pelancongan *internal*.

Jadual 4: Akaun pengeluaran industri pelancongan

Statistik yang dipaparkan di Jadual 4 adalah bersumberkan Jadual Penawaran dan Penggunaan (SUT) serta berdasarkan KDNK Tahunan di peringkat negeri.

Jadual 5: Jumlah penawaran dan penggunaan pelancongan

Statistik di Jadual 5 dijana daripada akaun pengeluaran industri pelancongan & industri lain di Jadual 4 dan juga penggunaan pelancongan *internal* di Jadual 3.

Jadual 6: Guna tenaga dalam industri pelancongan

Statistik di Jadual 6 adalah penyusunan statistik guna tenaga dalam industri pelancongan yang diperoleh daripada data Survei Tenaga Buruh, Survei Ekonomi Tahunan, dan Banci Ekonomi yang diterbitkan oleh DOSM.

SIMBOL

| | |
|-----|-------------------|
| - | : negatif |
| % | : peratus |
| & | : dan |
| e | : anggaran |
| p | : permulaan |
| n.a | : tidak berkenaan |

TECHNICAL NOTES

1.0 INTRODUCTION

1.1 Development of satellite account

The compilation of TSA is implemented in adherence to the System of National Accounts (SNA) in Malaysia. The term "satellite account" is adopted to reflect the nature of the account that has been developed. It is a "satellite" to the core set of National Accounts that presents additional information which is outside from the available information provided in the National Accounts.

This satellite information focuses on a particular aspect of the economy such as tourism, that other wise could not be easily measured. It also permits further linkages to additional information specific to tourism such as employment, international tourist numbers and accommodation statistics. Tourism industry statistics consists of industries such as transportation, accommodation, food & beverage serving activities, recreation, entertainment and travel agencies can be measured and analysed.

Development of satellite account is a systematic statistical measurement which applies concept, classification and definition which are based on international standard to enable comparison among countries. Various information available in different agencies is put together in this account to provide holistic and better picture of the impact of tourism industry in Malaysia.

1.2 Development of RTSA Sabah

The purpose of Regional Tourism Satellite Account (RTSA) Sabah is to analyse in detail all the aspects of demand for goods and services associated with the activity of visitors to observe the interactions with the supply of such goods and services of tourism within the Sabah's economy; as well as with other economic activities within Sabah.

The compilation on RTSA Sabah are based on Tourism Satellite Account: Recommended Methodological Framework (TSA: RMF) 2008, International Recommendations for Tourism Statistics (IRTS) and Regional Tourism Satellite Account, Statistics & TSA Issue Paper Series, 2013 published by the United Nations World Tourism Organization (UNWTO). The concepts and definitions of RTSA Sabah are adapted and according to Sabah's need.

The concept of tourism consumption in RTSA Sabah illustrated below:

The concept of tourism consumption in RTSA Sabah

| Status of Residence | Consumption | | | TOTAL |
|------------------------|------------------------------|------------------------------|-------------------|---------------------------|
| | Sabah | Outside Sabah | | |
| | | Peninsular Malaysia/ Sarawak | Rest of the world | |
| Residents of Sabah | Domestic tourism consumption | Outbound tourism consumption | | SABAH TOURISM CONSUMPTION |
| Non-residents of Sabah | Peninsular Malaysia/ Sarawak | Inbound tourism consumption | | |
| | Rest of the world | | | |
| TOTAL | INTERNAL TOURISM CONSUMPTION | | | |

2.0 CONCEPTS AND DEFINITIONS

2.1 Visitor

A visitor refers to a traveller taking a trip to a main destination outside his/ her usual environment, not more than 12 months other than to be employed by resident entity in the place visited. The following list is incorporated in IRTS as the main purpose of visit:

- a. Business and professional;
- b. Holiday, leisure and recreation;
- c. Visiting friends and relatives;
- d. Education and training;
- e. Health and medical care;
- f. Religion/ pilgrimage;
- g. Shopping; and
- h. Transit.

In the context of Malaysia, scenario 'balik kampung' by residents during festive seasons is also defined as tourism. A visitor is classified into two categories:

Tourist : If his/ her trip includes an overnight stay

Excursionist : If his/ her trip takes less than 24 hours

2.2 Usual environment

The usual environment of an individual, a key concept in tourism is defined as the geographical area (though not necessarily a contiguous one) within which an individual conducts his/ her regular life routines. The usual environment of an individual includes the place of usual residence of the household to which he/ she belongs, his/ her own place of work or study and any other place that he/ she visits regularly, even the place is located far away from his/ her place of usual residence or in another locality. Hence, travellers who are commuting regularly between their place of usual residence and place of work or study, or frequently visiting places within their current life routine will be not covered in TSA compilation. However, the concept may be differs among countries according to their nature.

In Malaysia, determination of usual environment seems to be significant especially for domestic tourism. Thus, as suggested by the UNWTO, Malaysia has decided the following criteria to determine a visitor:

- a. Those who take a trip from their residence for tourism purposes at least 50 kilometers to and fro, outside their usual environment and spend a minimum 4 hours at the location; and*
- b. Those who take a trip for a distance less than 50 kilometers to and fro, the period should be a minimum of 4 hours and more and using tourism facilities such as transport, accommodation, food & beverage and recreation.*

2.3 Types of Tourism

2.3.1 Inbound tourism

It consists of non-resident visitor activities that travel to Sabah for inbound travel. Visitors in this category comprises residents of Peninsular Malaysia, Sarawak and non-residents from abroad.

2.3.2 Domestic tourism

It consists of resident visitor activities that travel within the Sabah whether it is part of a domestic or prior to outbound trip.

2.3.3 Internal tourism

It comprises domestic and inbound tourism, which is the activity of resident and non-resident visitors within Sabah whether it is part of the domestic or international trips.

2.4 Tourism Expenditure

Tourism expenditure refers to the amount paid for the acquisition of consumption goods and services, as well as valuables, for own use or to give away, for and during tourism trips. It includes expenditures by visitors themselves, as well as expenses that are paid for or reimbursed by others. The acquisition of all goods and services during a tourism trip is in principle, part of tourism expenditure. All services delivered before the trip and clearly related to the trip (e.g. vaccination, passport services, medical control, service of travel agency, etc.) are included in tourism expenditure. All goods acquired before the trip that are intended to be used on the trip (specific clothes, medicines, etc.) or brought along as gifts, should be included.

2.4.1 Inbound tourism expenditure

Tourism expenditure of a non-resident visitor within the economy of Sabah.

2.4.2 Domestic tourism expenditure

Tourism expenditure of a resident visitor within the economy of Sabah.

2.4.3 Internal tourism consumption

Comprises all tourism expenditure of visitors, both resident and non-resident within the economy of Sabah. It is the sum of inbound tourism expenditure and domestic tourism expenditure.

2.5 Tourism Industry

The tourism industry comprises all establishments for which the principal activity is a tourism characteristic activity whether the establishments serves directly to visitors as well as non-visitors. Establishments are classified according to their main activity, which determined by the activity that generates the most value added.

2.6 Tourism Consumption Products

Tourism consumption products can be classified into internationally comparable tourism characteristic products and country-specific tourism characteristic products.

a. Internationally comparable tourism characteristic products

Internationally comparable tourism characteristic products represent the core products for international comparison of tourism expenditure. A product is classified as a tourism characteristic product if the visitor's expenditure on the products is significant. Examples of tourism characteristic products are accommodation services, food & beverage serving services, passenger transport services, transport equipment rental services, travel agencies & other reservation services and cultural, sports & recreational services.

b. *Country-specific tourism characteristic products*

In Malaysia, country-specific tourism characteristic products are divided into two categories which are country-specific tourism characteristic goods and country-specific tourism characteristic services.

Country-specific tourism characteristic goods is referring to shopping activities (tourism-related goods) and retail trade in tourism industries.

Meanwhile, products identified under 'country-specific tourism characteristic services' are other expenses that represent a significant share of tourism expenditure such as health, education, spa and MICE.

2.7 Production Accounts

The production account records the activity of producing goods and services as defined within the SNA 2008. The production account shows output as resources and intermediate consumption as uses and the balancing item is value added.

2.8 Value Added

Value added is the 'value' that a producer adds to the raw material of goods and services it purchases in the process of production. Thus, it is the value of output less the value of intermediate consumption.

2.8.1 GVATI

Gross Value Added of Tourism Industries is the total gross value added of all establishments in the tourism industry, regardless of whether all their output is provided to visitors and the specialisation of their production process.

2.8.2 TDGDP

Tourism Direct Gross Domestic Product is the sum of the part gross value added (at basic prices) generated by all industries in response to internal consumption. The amount of net taxes on products and imports are included within the value of this expenditure at purchasers' price.

2.9 Tourism Ratio

Tourism ratio is the proportion of the internal tourism consumption consumed by visitors over domestic supply which consists of output of domestic producers, imports, taxes less subsidies on products produced and imported as well as trade and transport margins.

3.0 RTSA SABAH MAIN TABLES

The tables recommended in the TSA: RMF 2008 manual and Statistics and TSA Issue Paper Series Regional Tourism Satellite Account, UNWTO 2013 are as follows:

Table 1: Inbound tourism expenditure of visitors by products

Statistics in Table 1 consists of total inbound tourist receipts in Ringgit Malaysia (RM) and percentage distribution breakdown of tourism expenditure by products. This compilation has also taken into account the expenditure of international passengers on air, sea and other transport. Among the data sources for the compilation of Table 1 are based on the findings of the Sabah Departing Visitor Survey (DVS) conducted by the Sabah Tourism Board (STB) and the Sabah Domestic Tourism Survey (DTS) conducted by DOSM.

DVS is implemented by face to face interview with visitors and tourist who will depart through the selected point of exit involves:

- a. Kota Kinabalu International Airport
- b. Sandakan Airport
- c. Tawau Airport

Table 2: Domestic tourism expenditure of visitors by products

Statistics in Table 2 is obtained from the findings of the DTS Sabah which covers individuals who reside in Sabah for at least one year or more. In addition to citizens and permanent residents, expatriates and non-citizens are also taken into account. The total domestic tourism expenditure in Table 2 of RTSA is different from the total domestic tourism expenditure published in the DTS Sabah report because RTSA only takes into account the tourism expenditure of Sabah residents and does not take into account expenditure that is not made by visitors such as accommodation and food & beverage provided in relative's or friend's house.

Table 3: Internal tourism consumption of visitor by products

The statistics in Table 3 is a combination of inbound tourism expenditure and domestic tourism expenditure to become internal tourism consumption.

Table 4: Production accounts of tourism industry

The statistics presented in Table 4 is sourced from the Supply and Use Table (SUT) and based on the Annual GDP at the state level.

Table 5: Total supply and tourism consumption

The statistics in Table 5 is derived from production accounts of tourism industry & other industries in Table 4 and internal tourism consumption in Table 3.

Table 6: Employment in the tourism industry

The statistics in Table 6 is a compilation of employment in the tourism industry obtained from the Labour Force Survey, Annual Economic Survey and Economic Census published by DOSM.

SYMBOLS

| | |
|-----|-----------------|
| - | : negative |
| % | : per cent |
| & | : and |
| e | : estimate |
| p | : preliminary |
| n.a | : not available |

KOD & KLASIFIKASI

Klasifikasi industri pelancongan adalah berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver. 1.0 yang telah diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Rev. 4*. Klasifikasi bagi produk pelancongan adalah berdasarkan *Malaysia Classification of Products by Activity (MCPA) 2009* yang juga telah diselaraskan dengan *Central Products Classifications (CPC) Ver. 2.0*.

INDUSTRI PELANCONGAN

| Keterangan bagi ISIC Rev. 4 | | ISIC Rev. 4 | MSIC 2008 | |
|---|--|--|---|----------------------------|
| 1. Perkhidmatan penginapan | | | | |
| 1.1 | Aktiviti penginapan jangka pendek | 5510 | 55101, 55102, 55103, 55104, 55105, 55106, 55107, 55108, 55109 | |
| 1.2 | Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler | 5520 | 55200 | |
| 1.3 | Penginapan lain | 5590 | 55900 | |
| 1.4 | Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan | 6810 | 68101, 68102, 68103 | |
| 1.5 | Aktiviti hartanah berdasarkan bayaran atau kontrak | 6820 | 68201 | |
| 2. Perkhidmatan penyediaan makanan & minuman | | | | |
| 2.1 | Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak | 5610 | 56101, 56103, 56104, 56105, 56106, 56107 | |
| 2.2 | Aktiviti perkhidmatan makanan lain | 5629 | 56290 | |
| 2.3 | Aktiviti perkhidmatan minuman | 5630 | 56301, 56302, 56303, 56304, 56309 | |
| 3. Perkhidmatan pengangkutan penumpang | | | | |
| 3.1 | Perkhidmatan pengangkutan penumpang kereta api | | | |
| | 3.1.1 | Pengangkutan penumpang rel antara bandar | 4911 | 49110 |
| | 3.1.2 | Pengangkutan darat penumpang bandar dan pinggir bandar | 4921 | 49212 |
| 3.2 | Perkhidmatan pengangkutan penumpang darat | | | |
| | 3.2.1 | Pengangkutan darat penumpang bandar dan pinggir bandar | 4921 | 49211 |
| | 3.2.2 | Pengangkutan darat penumpang lain | 4922 | 49221, 49224, 49225, 49229 |
| 3.3 | Perkhidmatan pengangkutan penumpang laut | | | |
| | 3.3.1 | Pengangkutan penumpang laut dan pesisir pantai | 5011 | 50111, 50112, 50113 |
| | 3.3.2 | Pengangkutan penumpang air pedalaman | 5021 | 50211, 50212 |
| 3.4 | Perkhidmatan pengangkutan penumpang udara | | | |
| | 3.4.1 | Pengangkutan penumpang udara | 5110 | 51101, 51102, 51103 |

| Keterangan bagi ISIC Rev. 4 | | ISIC Rev. 4 | MSIC 2008 |
|--|---|-------------|---|
| 3.5 | Perkhidmatan penyewaan kelengkapan pengangkutan | | |
| 3.5.1 | Penyewaan dan pemajakan kenderaan bermotor | 7710 | 77101, 77102 |
| 3.5.2 | Penyewaan dan pajakan mesin, kelengkapan dan barang ketara lain | 7730 | 77302, 77303, 77304 |
| 4. Perkhidmatan agensi pengembaraan dan penempahan lain | | | |
| 4.1 | Aktiviti agensi pengembaraan | 7911 | 79110 |
| 4.2 | Aktiviti operator pelancongan | 7912 | 79120 |
| 4.3 | Khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan | 7990 | 79900 |
| 5. Perkhidmatan kebudayaan | | | |
| 5.1 | Aktiviti penayangan wayang gambar | 5914 | 59140 |
| 5.2 | Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif | 9000 | 90001, 90002, 90003, 90007, 90009 |
| 5.3 | Aktiviti muzium dan operasi tapak dan bangunan bersejarah | 9102 | 91021, 91022 |
| 5.4 | Aktiviti taman botani dan zoologi dan rizab semula jadi | 9103 | 91031, 91032 |
| 6. Perkhidmatan sukan dan rekreasi | | | |
| 6.1 | Penyewaan dan pemajakan barang rekreasi dan sukan | 7721 | 77211, 77212, 77213, 77219 |
| 6.2 | Aktiviti perjudian dan pertaruhan | 9200 | 92000 |
| 6.3 | Operasi bagi kemudahan acara sukan dalam dan luar bangunan | 9311 | 93111, 93112, 93113, 93114, 93115, 93116, 93117, 93118, 93119 |
| 6.4 | Aktiviti kelab sukan | 9312 | 93120 |
| 6.5 | Aktiviti sukan lain | 9319 | 93191, 93192, 93193, 93199 |
| 6.6 | Aktiviti taman hiburan dan taman tema | 9321 | 93210 |
| 6.7 | Aktiviti hiburan dan rekreasi lain t.t.t.l. | 9329 | 93291, 93292, 93293, 93294, 93295, 93296, 93297, 93299 |
| 7. Jualan runcit bahan api kenderaan | | | |
| 7.1 | Jualan runcit di kedai khusus yang menjual bahan api kenderaan | 4730 | 47300 |
| 8. Perdagangan runcit | | | |
| 8.1 | Perdagangan jual runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal | 47 | Semua termasuk kecuali 47300, 4791 dan 47991 |

| Keterangan bagi ISIC Rev. 4 | | ISIC Rev. 4 | MSIC 2008 |
|---|--|-------------|-----------------------------------|
| 9. Perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara | | | |
| 9.1 | Pemberian kredit lain | 6492 | 64922 |
| 9.2 | Insurans am | 6512 | 65121, 65122 |
| 9.3 | Pembrokeran sekuriti dan kontrak komoditi | 6612 | 66124 , 66125 |
| 9.4 | Pendidikan menengah am | 8521 | 85212 |
| 9.5 | Pendidikan menengah teknik dan vokasional | 8522 | 85222 |
| 9.6 | Pendidikan tinggi | 8530 | 85302 |
| 9.7 | Pendidikan sukan dan rekreasi | 8541 | 85411, 85412, 85419 |
| 9.8 | Pendidikan kebudayaan | 8542 | 85421, 85429 |
| 9.9 | Pendidikan lain yang t.t.t.l. | 8549 | 85499 |
| 9.10 | Perkhidmatan sokongan pendidikan | 8550 | 85500 |
| 9.11 | Aktiviti hospital dan rumah bersalin | 8610 | 86101 |
| 9.12 | Aktiviti amalan perubatan dan pergigian | 8620 | 86201, 86202, 86203 |
| 9.13 | Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain | 8690 | 86902, 86903, 86904, 86905, 86909 |
| 9.14 | Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan | 8230 | 82301, 82302 |
| 9.15 | Aktiviti perkhidmatan lain t.t.t.l | 9609 | 96091 |
| 9.16 | Aktiviti fotografi | 7420 | 74200 |
| 9.17 | Penyewaan dan pemajakan barang persendirian dan isi rumah lain | 7729 | 77291, 77293, 77296, 77299 |
| 9.18 | Aktiviti fotokopi, penyediaan dokumen dan lain-lain aktiviti sokongan pejabat khusus | 8219 | 82199 |

PRODUK PELANCONGAN

| Keterangan bagi CPC Ver. 2.0 | | CPC Ver. 2.0 | MCPA 2009 (5 Digit) |
|--|--|--|---|
| 1. Perkhidmatan penginapan | | | |
| 1.1 | Aktiviti penginapan jangka masa pendek | 63111, 63112, 63113, 63114, 63120, 63130, 63210, 63290 | 55101, 55102, 55103, 55104, 55105, 55106, 55107, 55108, 55109, 55200, 55900 |
| 1.2 | Aktiviti hartanah | 72111, 72122, 72123, 72221, 72223, 72211, 72213, 72130 | 68101, 68201, 68102, 68103 |
| 2. Perkhidmatan penyediaan makanan & minuman | | | |
| 2.1 | Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak | 63310, 63320, 63399, 63393 | 56101, 56102, 56103, 56104, 56105, 56106, 56107, 56290 |
| 2.2 | Aktiviti perkhidmatan minuman | 63400 | 56301, 56302, 56303, 56304, 56309 |
| 3. Perkhidmatan pengangkutan | | | |
| 3.1 | Pengangkutan penumpang keretapi | 64131, 64210 | 49110 |
| 3.2 | Pengangkutan penumpang darat | 64114, 64115, 64116, 64117, 64118, 64119, 64132, 64221, 64222, 64223 | 49221, 49211, 49212, 49224, 49225, 49229 |
| 3.3 | Pengangkutan penumpang air | 64121, 64122, 64129, 64133, 64231, 64232, 64239 | 50111, 50112, 50113, 50211, 50212 |
| 3.4 | Pengangkutan penumpang udara | 64134, 64241, 64242, 64243, 64250, 64244 | 51101, 51102, 51103 |
| 3.5 | Penyewaan dan pemajakan kenderaan darat, air dan udara serta peralatan rekreasi tanpa operator | 73111, 73112, 73240, 73113, 73115 | 77101, 77102, 77211, 77212, 77213, 77219, 77302, 77303, 77304 |
| 4. Perkhidmatan agensi pengembaraan dan tempahan lain | | | |
| 4.1 | Aktiviti agensi pengembaraan | 85511, 85512, 85513, 85514, 85519, 85521, 85523, 85524 | 79110 |
| 4.2 | Aktiviti operator pelancongan | 85540 | 79120 |
| 4.3 | Khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan dan peralatan untuk rekreasi | 85539, 85550, 85562 | 79900 |

| Keterangan bagi CPC Ver. 2.0 | | CPC Ver. 2.0 | MCPA 2009 (5 Digit) |
|---|--|--------------|---------------------|
| 5. Perkhidmatan kebudayaan | | | |
| 5.1 | Perkhidmatan penerbit teater, penyanyi kumpulan | 96220, 96310 | 90001 |
| 5.2 | Operasi dewan konsert dan teater serta kemudahan | | |
| 5.3 | Operasi semua jenis muzium | 96411 | 91021 |
| 5.4 | Operasi tapak dan bangunan bersejarah | 96412 | 91022 |
| 5.5 | Operasi taman botani dan zoologi | 96421 | 91031 |
| 5.6 | Operasi rizab semula jadi, termasuk pemeliharaan hidupan liar | 96422 | 91032 |
| 6. Perkhidmatan sukan dan rekreasi | | | |
| 6.1 | Aktiviti perjudian dan pertaruhan | 96929 | 92000 |
| 6.2 | Bola sepak, hoki, kriket, besbol, badminton, futsal, <i>paintball</i> | 96520 | 93111 |
| 6.3 | Litar perlumbaan untuk kenderaan bermotor | | 93112 |
| 6.4 | Kelab ekuestrian | | 93113 |
| 6.5 | Stadium dan kolam renang, arena luncur ais | | 93114 |
| 6.6 | Padang stadium dan balapan | | 93115 |
| 6.7 | Padang golf | | 93116 |
| 6.8 | Pusat boling | | 93117 |
| 6.9 | Pusat kesihatan | | 93118 |
| 6.10 | Penganjuran dan operasi acara sukan dalam dan luar bangunan untuk profesional atau amatir oleh organisasi dengan kemudahan sukan sendiri | | 93119 |
| 6.11 | Aktiviti penganjur atau promosi acara sukan, dengan | | 96590 |
| 6.12 | Aktiviti taman hiburan dan taman tema | 96910 | 93210 |
| 6.13 | Sewaan peralatan riadah sebagai kelengkapan untuk kemudahan rekreasi | 96930 | 93293 |
| 6.14 | Aktiviti taman rekreasi dan pantai | 96990 | 93291 |
| 6.15 | Operasi pesta dan pertunjukan rekreasi semula jadi | | 93294 |
| 6.16 | Operasi kelab malam dan lantai tari | | 93295 |

| Keterangan bagi CPC Ver. 2.0 | | CPC Ver. 2.0 | MCPA 2009 (5 Digit) |
|---|---|---|--|
| 7. Jualan runcit bahan api kenderaan | | | |
| 7.1 | Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai khusus | 62291 | 47300 |
| 8. Barang khusus bercirikan pelancongan negara (membeli-belah) | | | |
| 8.1 | Perdagangan jual runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal | 621, 622, 624 | 47 |
| 9. Perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara | | | |
| 9.1 | Kewangan | 71134, 71139, 71592 | 64922, 66124, 66125 |
| 9.2 | Insurans/ takaful | 71322, 71331, 71332, 71333, 71334, 71335, 71337, 71339 | 65121, 65122 |
| 9.3 | Pendidikan | 92310, 92320, 92330, 92410, 92420, 92510, 92520, 92911, 92912, 92919, 92920 | 85212, 85222, 85302, 85411, 85412, 85419, 85421, 85429, 85499, 85500 |
| 9.4 | Kesihatan | 93111, 93112, 93113, 93119, 93121, 93122, 93123, 93193, 93195, 93197, 93199 | 86101, 86201, 86202, 86203, 86902, 86903, 86904, 86905, 86909 |
| 9.5 | Mesyuarat, insentif, konvensyen, pameran (MICE) | 85531, 85961, 85962 | 82301, 82302 |
| 9.6 | Aktiviti sauna, mandian stim, salon mengurut | 97230 | 96091 |
| 9.7 | Lain-lain | 38941, 38942, 73250, 73260, 73290, 83811, 83812, 83813, 83814, 83815, 83819, 83820, 85954 | 74200, 77291, 77293, 77296, 77299, 82199 |

CODE & CLASSIFICATION

The classification of tourism industry based on Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver 1.0 which is in concordance with International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Rev. 4. The classification of tourism products based on Malaysia Classification of Products by Activity (MCPA) 2009 which conforms with Central Product Classification (CPC) Ver. 2.0.

TOURISM INDUSTRY

| Description of ISIC Rev.4 | | ISIC Rev. 4 | MSIC 2008 | |
|--|---|---|---|----------------------------|
| 1. Accommodation services | | | | |
| 1.1 | Short term accommodation activities | 5510 | 55101, 55102, 55103, 55104, 55105, 55106, 55107, 55108, 55109 | |
| 1.2 | Camping grounds, recreational vehicle parks and trailer parks | 5520 | 55200 | |
| 1.3 | Other accommodation | 5590 | 55900 | |
| 1.4 | Real estate activities with own or leased property | 6810 | 68101, 68102, 68103 | |
| 1.5 | Real estate activities on a fee or contract basis | 6820 | 68201 | |
| 2. Food & beverage serving services | | | | |
| 2.1 | Restaurants and mobile food service activities | 5610 | 56101, 56103, 56104, 56105, 56106, 56107 | |
| 2.2 | Other food service activities | 5629 | 56290 | |
| 2.3 | Beverage serving activities | 5630 | 56301, 56302, 56303, 56304, 56309 | |
| 3. Passenger transport services | | | | |
| 3.1 | Railway passenger transport | | | |
| | 3.1.1 | Passenger rail transport, inter-urban | 4911 | 49110 |
| | 3.1.2 | Urban and suburban passenger land transport | 4921 | 49212 |
| 3.2 | Road passenger transport | | | |
| | 3.2.1 | Urban and suburban passenger land transport | 4921 | 49211 |
| | 3.2.2 | Other passenger land transport | 4922 | 49221, 49224, 49225, 49229 |
| 3.3 | Water passenger transport | | | |
| | 3.3.1 | Sea and coastal passenger water transport | 5011 | 50111, 50112, 50113 |
| | 3.3.2 | Inland passenger water transport | 5021 | 50211, 50212 |
| 3.4 | Air passenger transport | | | |
| | 3.4.1 | Passenger air transport | 5110 | 51101, 51102, 51103 |

| Description of ISIC Rev.4 | | ISIC Rev. 4 | MSIC 2008 |
|--|---|-------------|---|
| 3.5 | <i>Transport equipment rental</i> | | |
| 3.5.1 | <i>Renting and leasing of motor vehicles</i> | 7710 | 77101, 77102 |
| 3.5.2 | <i>Renting and leasing of other machinery, equipment and tangible goods</i> | 7730 | 77302, 77303, 77304 |
| 4. Travel agencies and other reservation services | | | |
| 4.1 | <i>Tourism agencies activities</i> | 7911 | 79110 |
| 4.2 | <i>Tour operator activities</i> | 7912 | 79120 |
| 4.3 | <i>Other reservation service and related activities</i> | 7990 | 79900 |
| 5. Cultural services | | | |
| 5.1 | <i>Motion picture projection activities</i> | 5914 | 59140 |
| 5.2 | <i>Creative, arts and entertainment activities</i> | 9000 | 90001, 90002, 90003, 90007, 90009 |
| 5.3 | <i>Museums activities and operation of historical sites and buildings</i> | 9102 | 91021, 91022 |
| 5.4 | <i>Botanical and zoological gardens and nature reserves activities</i> | 9103 | 91031, 91032 |
| 6. Sports and recreational services | | | |
| 6.1 | <i>Renting and leasing of recreational and sports goods</i> | 7721 | 77211, 77212, 77213, 77219 |
| 6.2 | <i>Gambling and betting activities</i> | 9200 | 92000 |
| 6.3 | <i>Operation of sports facilities for indoor or outdoor sports events</i> | 9311 | 93111, 93112, 93113, 93114, 93115, 93116, 93117, 93118, 93119 |
| 6.4 | <i>Activities of sports clubs</i> | 9312 | 93120 |
| 6.5 | <i>Other sports activities</i> | 9319 | 93191, 93192, 93193, 93199 |
| 6.6 | <i>Activities of amusement parks and theme parks</i> | 9321 | 93210 |
| 6.7 | <i>Other amusement and recreation activities n.e.c.</i> | 9329 | 93291, 93292, 93293, 93294, 93295, 93296, 93297, 93299 |
| 7. Retail sale of automotive fuel | | | |
| 7.1 | <i>Retail sale of automotive fuel in specialized store</i> | 4730 | 47300 |
| 8. Retail trade | | | |
| 8.1 | <i>Retail trade, except of motor vehicles and motorcycles</i> | 47 | All except for 47300 4791 and 47991 |

| <i>Description of ISIC Rev.4</i> | | <i>ISIC Rev. 4</i> | <i>MSIC 2008</i> |
|--|---|--------------------|-----------------------------------|
| 9. Country-specific tourism characteristic services | | | |
| 9.1 | <i>Other credit granting</i> | 6492 | 64922 |
| 9.2 | <i>General insurance</i> | 6512 | 65121, 65122 |
| 9.3 | <i>Security and commodity contracts brokerage</i> | 6612 | 66124, 66125 |
| 9.4 | <i>General secondary education</i> | 8521 | 85212 |
| 9.5 | <i>Technical and vocational secondary education</i> | 8522 | 85222 |
| 9.6 | <i>Higher education</i> | 8530 | 85302 |
| 9.7 | <i>Sports and recreation education</i> | 8541 | 85411, 85412, 85419 |
| 9.8 | <i>Cultural education</i> | 8542 | 85421, 85429 |
| 9.9 | <i>Other education n.e.c.</i> | 8549 | 85499 |
| 9.10 | <i>Educational support services</i> | 8550 | 85500 |
| 9.11 | <i>Hospital and maternity home activities</i> | 8610 | 86101 |
| 9.12 | <i>Medical and dental practice activities</i> | 8620 | 86201, 86202, 86203 |
| 9.13 | <i>Other human health activities</i> | 8690 | 86902, 86903, 86904, 86905, 86909 |
| 9.14 | <i>Organization of conventions and trade shows</i> | 8230 | 82301, 82302 |
| 9.15 | <i>Other service activities n.e.c.</i> | 9609 | 96091 |
| 9.16 | <i>Photographic activities</i> | 7420 | 74200 |
| 9.17 | <i>Renting and leasing of other personal and household goods</i> | 7729 | 77291, 77293, 77296, 77299 |
| 9.18 | <i>Photocopying, document preparation and other specialized office support activities</i> | 8219 | 82199 |

TOURISM PRODUCTS

| <i>Description CPC Ver. 2.0</i> | | <i>CPC Ver. 2.0</i> | <i>MCPA 2009 (5 Digits)</i> |
|--|--|--|--|
| 1. Accommodation services | | | |
| 1.1 | <i>Short term accommodation activities</i> | 63111, 63112, 63113, 63114, 63120, 63130, 63210, 63290 | 55101, 55102, 55103, 55104, 55105, 55106, 55107, 55108, 55109, 55200, 55900 |
| 1.2 | <i>Real-estate activities</i> | 72111, 72122, 72123, 72211, 72213, 72221, 72223, 72130 | 68101, 68201, 68102, 68103 |
| 2. Food & beverage serving services | | | |
| 2.1 | <i>Restaurant and mobile food service activities</i> | 63310, 63320, 63399, 63393 | 56101, 56103, 56104, 56105, 56106, 56107, 56290 |
| 2.2 | <i>Beverage service activities</i> | 63400 | 56301, 56302, 56303, 56304, 56309 |
| 3. Transportation services | | | |
| 3.1 | <i>Railway passenger transport services</i> | 64131, 64210 | 49110 |
| 3.2 | <i>Road passenger transport services</i> | 64114, 64115, 64116, 64117, 64118, 64119, 64132, 64221, 64222, 64223 | 49221, 49211, 49212, 49224, 49225, 49229 |
| 3.3 | <i>Water passenger transport services</i> | 64133, 64121, 64122, 64129, 64231, 64232, 64239 | 50111, 50112, 50113, 50211, 50212 |
| 3.4 | <i>Air passenger transport services</i> | 64134, 64241, 64242, 64243, 64244, 64250 | 51101, 51102, 51103 |
| 3.5 | <i>Transport equipment rental services for land, water and air recreational equipment without operator</i> | 73111, 73112, 73240, 73113, 73115 | 77101, 77102, 77211, 77212, 77213, 77219, 77302, 77303, 77304 |
| 4. Travel agencies and other reservation services | | | |
| 4.1 | <i>Travel agency activities</i> | 85511, 85512, 85513, 85514, 85519, 85521, 85523, 85524 | 79110 |
| 4.2 | <i>Tour operator activities</i> | 85540 | 79120 |
| 4.3 | <i>Other reservation service and related activities and recreational equipment</i> | 85539, 85550, 85562 | 79900 |

| Description CPC Ver. 2.0 | | CPC Ver. 2.0 | MCPA 2009 (5 Digits) |
|--|---|------------------|----------------------|
| 5. Cultural services | | | |
| 5.1 | <i>Theatrical producer, singer group band and orchestra entertainment services</i> | 96220, 96310 | 90001 |
| 5.2 | <i>Operation of concert and theatre halls and other arts facilities</i> | | |
| 5.3 | <i>Operation of museums of all kinds</i> | 96411 | 91021 |
| 5.4 | <i>Operation of historical sites and buildings</i> | 96412 | 91022 |
| 5.5 | <i>Operation of botanical and zoological gardens</i> | 96421 | 91031 |
| 5.6 | <i>Operation of nature reserves, including wildlife preservation</i> | 96422 | 91032 |
| 6. Sports and recreational services | | | |
| 6.1 | <i>Gambling and betting activities</i> | 96929 | 92000 |
| 6.2 | <i>Football, hockey, cricket, baseball, badminton, futsal, paintball</i> | 96520 | 93111 |
| 6.3 | <i>Racetracks for auto</i> | | 93112 |
| 6.4 | <i>Equestrian clubs</i> | | 93113 |
| 6.5 | <i>Swimming pools and stadiums, ice-skating arenas</i> | | 93114 |
| 6.6 | <i>Track and field stadium</i> | | 93115 |
| 6.7 | <i>Golf courses</i> | | 93116 |
| 6.8 | <i>Bowling centre</i> | | 93117 |
| 6.9 | <i>Fitness centres</i> | | 93118 |
| 6.10 | <i>Organization and operation of outdoor or indoor sports events for professionals or amateurs by organizations with own facilities</i> | | 93119 |
| 6.11 | <i>Activities of producers or promoters of sports events, with or without facilities</i> | | 96590 |
| 6.12 | <i>Activities of amusement parks and theme parks</i> | 96910 | 93210 |
| 6.13 | <i>Renting of leisure and pleasure equipment as an integral part of recreational facilities</i> | 96930 | 93293 |
| 6.14 | <i>Activities of recreation parks and beaches</i> | 96990 | 93291 |
| 6.15 | <i>Operation of fairs and shows of a recreational nature</i> | | 93294 |
| 6.16 | <i>Operation of discotheques and dance floors</i> | | 93295 |
| 7. Retail sale of automotive fuel | | | |
| 7.1 | <i>Retail sale of automotive fuel in specialized store</i> | 62291 | 47300 |
| 8. Country-specific tourism characteristic goods (shopping) | | | |
| 8.1 | <i>Retail trade, except of motor vehicles and motorcycles</i> | 621, 622, 624 | 47 |

| <i>Description CPC Ver. 2.0</i> | | <i>CPC Ver. 2.0</i> | <i>MCPA 2009 (5 Digits)</i> |
|--|---|------------------------|--------------------------------------|
| 9. Country-specific tourism characteristic services | | | |
| 9.1 | <i>Finance</i> | 71134, 71139, 71592 | 64922, 66124, 66125 |
| 9.1 | <i>Other credit granting</i> | 6492 | 64922 |
| 9.2 | <i>General insurance</i> | 6512 | 65121, 65122 |
| 9.3 | <i>Security and commodity contracts brokerage</i> | 6612 | 66124, 66125 |
| 9.4 | <i>General secondary education</i> | 8521 | 85212 |
| 9.5 | <i>Technical and vocational secondary education</i> | 8522 | 85222 |
| 9.6 | <i>Higher education</i> | 8530 | 85302 |
| 9.7 | <i>Sports and recreation education</i> | 8541 | 85411, 85412, 85419 |
| 9.8 | <i>Cultural education</i> | 8542 | 85421, 85429 |
| 9.9 | <i>Other education n.e.c.</i> | 8549 | 85499 |
| 9.10 | <i>Educational support services</i> | 8550 | 85500 |
| 9.11 | <i>Hospital and maternity home activities</i> | 8610 | 86101 |
| 9.12 | <i>Medical and dental practice activities</i> | 8620 | 86201, 86202, 86203 |
| 9.13 | <i>Other human health activities</i> | 8690 | 86902, 86903, 86904, 86905, 86909 |
| 9.14 | <i>Organization of conventions and trade shows</i> | 8230 | 82301, 82302 |
| 9.15 | <i>Other service activities n.e.c.</i> | 9609 | 96091 |
| 9.16 | <i>Photographic activities</i> | 7420 | 74200 |
| 9.17 | <i>Renting and leasing of other personal and household goods</i> | 7729 | 77291, 77293, 77296, 77299 |
| 9.18 | <i>Photocopying, document preparation and other specialized office support activities</i> | 8219 | 82199 |

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank